



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Public Service Department, Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

JPA.(S).600-1/3/31 (26)

2 Mac 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

## **PENANGGUHAN PELAKSANAAN PEKELILING PERKHIDMATAN DASAR PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA PERKHIDMATAN AWAM (DPSM)**

Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Surat Edaran JPA.(S).600-1/3/31 (2) bertarikh 21 Disember 2021 telah memperkenalkan Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM).

2. Bagi mencapai aspirasi Perkhidmatan Awam yang kukuh, holistik dan kalis masa hadapan (*future proof*), pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM) adalah ditangguhkan sehingga 31 Disember 2022 untuk membolehkan ia ditambah baik bagi memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan.

3. Dengan penangguhan pelaksanaan DPSM ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh meneruskan perancangan latihan yang telah ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005: Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005: Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.
4. Penangguhan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.
5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)**

s.k.:

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali  
Ketua Setiausaha Negara